

'BERIBU RIBU AHLI PAS KINI SERTAI UMNO'

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Jumaat — Beribu-ribu ahli baru, terutama dari PAS memohon menyertai UMNO memandangkan kesedaran mereka atas matlamat UMNO, kata Setiausaha Agung UMNO, Senator Datuk Haji Mustafa Jabar, hari ini.

Beliau menambah, ahli-ahli PAS yang menyertai UMNO merupakan mereka yang "balik ke pangkal jalan" setelah keliru dengan dakyah-dakyah kosong pembangkang.

Beliau berkata demi-

kian ketika diminta mengulas penyertaan 85 orang ahli PAS dari Sungai Baru, Gua Chempedak, Kedah menyertai UMNO kelmarin.

Mereka menubuhkan cawangan baru UMNO di samping berikrar taat setia kepada Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin yang merasmikan cawangan tersebut.

Sungai Baru merupakan kubu kuat PAS dan kawasan Dewan Undangan Negeri Sala, diwakili oleh Haji Yahya Junid dari PAS.

Senator Datuk Haji Mustafa menekankan, beliau tidak hairan jika

lebih ramai ahli-ahli PAS dari seluruh negara menyertai UMNO menjelang pilihanraya umum ini.

"Mereka ini bukan sahaja membuktikan keinsafan bahkan menunjukkan kepercayaan mereka terhadap pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Ini disebabkan Datuk Seri Dr. Mahathir merupakan seorang pemimpin yang jujur dan dedikasi dalam usaha membangunkan negara," tambah Setiausaha Agung UMNO itu.

Beliau menjelaskan, penyertaan mereka da-

lam UMNO "menyahut" seruan Perdana Menteri supaya mereka balik ke pangkal jalan.

"Seruan Datuk Seri Dr. Mahathir itu nampaknya tidak sia-sia," jelasnya.

Senator Datuk Haji Mustafa menasihatkan seluruh 600,000 ahli UMNO bertungkus-lumus bagi menjamin kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum akan datang.

Sementara itu, Setiausaha Pemuda PAS, Encik Subky Latiff memberitahu, dakwaan penyertaan ahli PAS dalam UMNO merupakan perkara biasa.